

## Persepsi terhadap pensyarah dan hubungannya dengan tahap kawalan kepercayaan pembelajaran pelajar bahasa Arab

*GHAZALI YUSRI ABD RAHMAN*

*Akademi Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi MARA  
ghazaliy@salam.uitm.edu.my*

*MUHAMMAD SAIFUL ANUAR YUSOFF*

*Akademi Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi MARA Kelantan  
saif\_madini@yahoo.com*

*MUHAMMAD ARSYAD ABDUL MAJID*

*Akademi Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi MARA  
muham285@salam.uitm.edu.my*

*MUHAMMAD SABRI SAHRIR*

*Fakulti Pengajian Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
muhsabri@iium.edu.my*

### Abstrak

Kursus bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan satu subjek elektif kepada pelajar peringkat ijazah sarjana muda. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji (1) tahap persepsi pelajar terhadap pensyarah bahasa Arab, (2) hubungan korelasi antara persepsi pelajar terhadap pensyarah dengan tahap kawalan kepercayaan pembelajaran, dan (3) perbezaan antara pelajar yang berbeza tahap kawalan kepercayaan pembelajaran dalam konteks persepsi mereka terhadap pensyarah. Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik strategi pembelajaran sendiri (*self-regulated learning strategy*) yang diubah suai daripada skala *The Motivated Strategies for Learning Questionnaire* (MSLQ). Ia melibatkan seramai 455 orang sampel yang dipilih berdasarkan teknik persampelan rawak berstrata (*stratified random sampling*). Dapatan kajian menunjukkan bahawa (1) persepsi pelajar bahasa Arab terhadap pensyarah adalah tinggi, (2) terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kawalan kepercayaan pembelajaran pelajar dengan tahap persepsi mereka terhadap pensyarah dan (3) terdapat perbezaan yang signifikan dalam kalangan pelajar yang berbeza tahap kawalan kepercayaan pembelajaran dalam konteks persepsi mereka terhadap pensyarah. Kajian ini mendapati bahawa persepsi pelajar terhadap pensyarah dipengaruhi oleh tahap kawalan kepercayaan pembelajaran. Oleh itu, kajian ini mempunyai implikasi terhadap penilaian pensyarah oleh pelajar, iaitu data yang diperolehi daripada persepsi pelajar sahaja tidak boleh dijadikan ukuran yang mutlak dalam menilai pensyarah kerana ia dipengaruhi oleh faktor sampingan yang lain seperti

tahap kawalan kepercayaan pembelajaran mereka. Oleh itu, ia harus ditriangulasikan dengan sumber yang lain seperti penilaian rakan setugas ataupun penilaian pakar.

**Kata kunci:** penilaian pensyarah, kawalan kepercayaan pembelajaran, strategi pembelajaran sendiri, pembelajaran bahasa Arab

## **Pendahuluan**

Pensyarah merupakan satu elemen penting dalam proses pembelajaran. Mereka menentukan hala tuju pembelajaran selari dengan objektif yang telah ditetapkan, malah menjadi model pembelajaran yang penting kepada pelajar (Rhee & Pintrich, 2004). Oleh itu, penilaian pensyarah merupakan satu perkara yang perlu dilakukan bagi memastikan proses pembelajaran berjalan dengan baik. Penilaian pensyarah dalam konteks pembelajaran bahasa boleh dilihat dari tiga sudut iaitu, pertama; kemahiran mereka dalam mengajar bahasa (pedagogi), kedua; kemahiran mereka dalam menguasai selok belok bahasa yang diajar dan ketiga; personaliti mereka (Abdul Aziz, 2000). Kemahiran pensyarah mengajar bermaksud mereka mengetahui serta menguasai teknik dan kaedah pengajaran bahasa supaya ia mudah difahami seterusnya dikuasai oleh pelajar. Selain daripada itu, mereka juga perlu mempunyai daya kreativiti yang tinggi serta kualiti suara yang baik. Sikap dan personaliti mereka boleh menjadikan pengajaran dan pembelajaran bahasa menyeronokkan (Abdul Aziz, 2000). Mereka juga perlu mempunyai unsur humor untuk mengekalkan pembelajaran dan fokus pelajar (Cajkler & Addelman, 2000).

Menurut Roberts (1998), pensyarah bahasa perlu mempunyai dan membangunkan enam perkara berkaitan ilmu pengetahuan iaitu berkaitan dengan kandungan (*content*), kandungan pedagogi, pedagogi am, kurikulum, konteks, dan proses. Pengetahuan tentang kandungan meliputi pengetahuan tentang bahasa sasaran dan sistem manakala kandungan pedagogi berkaitan dengan pengetahuan aspek bahasa yang hendak diajarkan termasuklah aspek penyampaian kandungan tersebut dari segi aspek mana yang perlu didahulukan. Pengetahuan pedagogi am berkaitan dengan kemahiran pengurusan kelas termasuklah penggunaan aktiviti yang sesuai serta penggunaan bahan pembelajaran, pengawasan, maklum balas serta penilaian. Pengetahuan tentang kurikulum melibatkan

kesedaran tentang bahan pembelajaran yang ada dan bentuk peperiksaan. Pengetahuan tentang konteks kesedaran pensyarah tentang karakter pelajar, sekolah, dan sistem pembelajaran secara umumnya yang menentukan reaksi pembelajaran seseorang. Pengetahuan proses pula melibatkan kemahiran dan sikap yang berkaitan dengan pembangunan pensyarah. Ia adalah keupayaan untuk mengaitkan pembelajaran pelajar dengan rakan yang lain serta ibu bapa, kemahiran belajar, kemahiran kerja berkumpulan dan sebagainya yang berkaitan dengan proses pembelajaran pelajar samada di dalam kelas ataupun di luar kelas. Dalam kajian ini, penilaian pensyarah memfokuskan kepada tiga aspek iaitu aspek pedagogi pengajaran, aspek keilmuan mereka dalam bidang yang diajar dan aspek personaliti mereka menurut persepsi pelajar.

### **Kawalan kepercayaan pembelajaran**

Terdapat dua komponen utama dalam skala strategi pembelajaran sendiri berdasarkan skala *The Motivated Strategies for Learning Questionnaire* (MSLQ) oleh Pintrich, Smith, Garcia dan McKeachie (1991), iaitu motivasi dan strategi pembelajaran. Skala motivasi terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu nilai, jangkaan dan afektif. Kawalan kepercayaan pembelajaran (*control of learning beliefs*) yang menjadi perbincangan kajian ini merupakan salah satu daripada subkomponen jangkaan yang juga mempunyai satu komponen yang lain iaitu kepercayaan jangkaan keupayaan sendiri (*self-efficacy*).

Strategi pembelajaran sendiri merupakan satu proses pembelajaran yang berasaskan pelajar. Mereka mengaktifkan dan mengekalkan aspek kognitif, kelakuan dan afektif secara sistematik dengan tujuan untuk mencapai matlamat pembelajaran mereka (Baumfield, 2004; Brophy, 1998; Pintrich & Schunk, 1996; Zimmerman & Martinez-Pons, 2004). Ia juga menekankan konsep autonomi dan tanggungjawab pelajar terhadap pembelajaran mereka sendiri (Paris, 2004). Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelajar berprestasi tinggi mempunyai tahap penggunaan strategi pembelajaran sendiri yang signifikan lebih tinggi berbanding pelajar berprestasi rendah (al-Alwan, 2008; VanZile-Tamsen & Livingston, 1999).

Kawalan kepercayaan pembelajaran pula adalah berkait dengan kepercayaan seseorang pelajar bahawa kejayaan pembelajaran adalah berkait dengan usaha pelajar sendiri dan bukannya faktor luaran seperti guru ataupun nasib. Seorang pelajar yang merasakan bahawa dirinya merupakan faktor kejayaan dalam pembelajaran akan berusaha secara berkesan dan berstrategi untuk mencapai kejayaan (Hsu, 1997; Lynch, 2006; Pintrich, et al., 1991). Dornyei (2001) juga menyuarakan nada yang sama iaitu seseorang akan belajar dengan terbaik sekiranya dia menjangkakan kejayaan. Konstruk kawalan kepercayaan pembelajaran mempunyai kaitan dengan teori atribut yang membincangkan mengenai 'sebab yang mempengaruhi' (*causal attribution*) dalam menentukan pencapaian pelajar (Weiner, 1992). Brophy (1998) pula menyatakan bahawa sebab yang mempengaruhi (*causal attribution*) usaha dan ketekalan pelajar adalah lebih besar apabila mereka mengaitkan pengaruh prestasi kepada faktor dalaman yang boleh dikawal pelajar berbanding faktor luaran yang tidak mampu dikawal pelajar. Antara contoh faktor dalaman ialah faktor ilmu dan usaha yang boleh ditingkatkan sekiranya mereka mahu berjaya. Pengaruh faktor luaran yang tidak boleh menambahkan keyakinan terhadap kepercayaan pelajar kerana ia berada di luar kawalan seperti faktor soalan senang, faktor guru mengajar atau faktor nasib. Menurut Dickinson (1995), Teori Atribut ini mencetuskan konsep pembelajaran berasaskan autonomi pelajar. Teori Atribut ini juga membina asas kepada komponen kawalan kepercayaan pembelajaran dalam MSLQ.

Penilaian pensyarah adalah penting dalam meningkatkan tahap pembelajaran pelajar. Hasil penilaian nantinya akan digunakan untuk penambahbaikan pengajaran supaya pembelajaran pelajar menjadi lebih teratur dan berkesan. Namun, penilaian pensyarah seharusnya dipastikan tulen dan tidak dipengaruhi oleh aspek-aspek sampingan yang lain seperti persepsi pelajar terhadap kursus itu sendiri. Ini kerana berdasarkan kajian beberapa orang sarjana seperti Bembenutty (2009), beberapa elemen didapati mempengaruhi penilaian pelajar terhadap pensyarah seperti minat pelajar terhadap kursus. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan mengkaji aspek penilaian pelajar terhadap pensyarah serta hubungan korelasi penilaian ini dengan salah satu komponen strategi pembelajaran sendiri yang dimiliki oleh pelajar iaitu kawalan kepercayaan pembelajaran.

## **Persoalan kajian**

Kajian ini dijalankan berlandaskan tiga persoalan kajian iaitu:

- (1) Sejauh manakah tahap persepsi pelajar terhadap pensyarah bahasa Arab?
- (2) Sejauh manakah tahap korelasi antara persepsi pelajar terhadap pensyarah dengan tahap kawalan kepercayaan pembelajaran?
- (3) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar yang berbeza tahap kawalan kepercayaan pembelajaran dalam konteks persepsi mereka terhadap pensyarah?

## **Metodologi**

Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM) berada dalam kelompok bahasa ketiga. Bermula Jun 1999, pihak pengurusan UiTM menjadikan kursus bahasa ketiga sebagai satu kursus wajib kepada para pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda di UiTM. Mereka perlu memilih salah satu bahasa ketiga yang ditawarkan dan mengikutinya selama tiga semester. Dua jam kredit diperuntukkan setiap semester yang menyamai dua jam temu seminggu. Ini bermakna, selama tiga semester, pelajar akan mengikuti kelas sebanyak enam jam kredit, menyamai 84 jam temu, iaitu 28 jam temu bagi setiap semester (*The Academic Affairs Division, 2009*).

Kajian ini merupakan satu kajian gabungan antara kuantitatif dan kualitatif yang menggunakan instrumen soal selidik dan temu bual. Populasi pelajar sepenuh masa bagi tahap tiga Kursus Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ketiga di seluruh cawangan UiTM dianggarkan berjumlah 2600 orang. Kajian ini memilih pelajar pada tahap tiga (kod kursus BAB501) kerana mereka merupakan pelajar tahap tertinggi dalam kurikulum pembelajaran bahasa Arab di UiTM. Oleh itu, mereka dijangka sudah membentuk nilai dan persepsi yang tersendiri terhadap kursus bahasa Arab.

Instrumen soal selidik menggunakan sampel seramai 455 orang, iaitu bilangan yang sesuai dan mencukupi untuk tujuan digeneralisasikan kepada populasi sebenar di UiTM (Krejcie & Morgan, 1970). Teknik persampelan rawak berstrata (*stratified random*

*sampling*) digunakan kerana populasi datang daripada gugusan fakulti yang berbeza. Teknik *disproportionate sampling* juga digunakan kerana jumlah peratusan pelajar yang mengambil kursus ini adalah berbeza antara gugusan fakulti serta berbeza dari segi latar belakang pengalaman pembelajaran bahasa Arab terdahulu.

Soal selidik tentang kawalan kepercayaan pembelajaran bahasa Arab diadaptasi daripada instrumen strategi pembelajaran sendiri MSLQ (*The Motivated Strategies for Learning Questionnaire*) oleh Pintrich et al. (1991) dengan menggunakan skala Likert 7 tahap, manakala soal selidik mengenai penilaian pensyarah dirangka melalui pembacaan literatur. Sebelum instrumen ini digunakan, satu kebenaran bertulis telah diperolehi daripada penulis asal. Instrumen ini juga telah melalui beberapa proses kesahan seperti kesahan muka, kesahan bahasa terjemahan (instrumen telah diterjemah daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu), kesahan konstruk dan kajian rintis. Melalui kajian rintis, tahap Alfa Cronbach bagi item kajian telah dianalisis bagi melihat tahap kebolehpercayaan item kajian. Analisis menunjukkan bahawa nilai Alfa Cronbach yang diperolehi ialah .83 untuk konstruk penilaian pensyarah dan .93 untuk konstruk jangkaan, iaitu nilai kebolehpercayaan yang diterima oleh para sarjana (Sekaran, 2003). Selepas data diperolehi, satu analisa deskriptif dilakukan bagi melihat min nilai kursus bagi keseluruhan pelajar. Untuk tujuan interpretasi data deskriptif, kajian ini membahagikan min kepada tiga tahap seperti Jadual 1. Manakala untuk tujuan interpretasi nilai korelasi, kajian ini membahagikan tahap korelasi kepada lima bahagian seperti Jadual 2.

Jadual 1: Interpretasi tahap nilai min bagi skala Likert 7 tahap

Skor min	Tahap
5.01 hingga 7.00	Tinggi
3.01 hingga 5.00	Sederhana
1.00 hingga 3.00	Rendah

(Adaptasi daripada Nik Mohd Rahimi, 2004)

Jadual 2: Interpretasi nilai korelasi

Nilai korelasi	Interpretasi
0.00	Tiada korelasi
Kurang daripada 0.19	Sangat rendah
0.20 – 0.39	Rendah
0.40 – 0.69	Sederhana

0.70 – 0.89  
0.90 – 1.00

Tinggi  
Sangat tinggi

(Cohen, L. & Holliday, M. (1982). *Statistics for social scientists*. London: Harper & Row)

### Dapatan kajian

**Persoalan kajian 1:** Berdasarkan jadual 3, ketiga-tiga item yang digunakan dalam penilaian pensyarah mencatatkan tahap min yang tinggi, iaitu item yang berkaitan dengan pengetahuan bahasa Arab (M=6.24, SP = 0.97), personaliti yang menarik (M=6.07, SP=1.062) dan kemahiran pengajaran (pedagogi) bahasa Arab (M=6.10, SP=1.025). Analisa keseluruhan item menunjukkan bahawa ia berada pada tahap min yang tinggi (M=6.14, SP=.880).

Jadual 3: Analisa deskriptif: Persepsi pelajar terhadap pensyarah (N=455)

Item	M	SP
Pengetahuan bahasa	6.24	.957
Personaliti	6.07	1.062
Pengetahuan pedagogi	6.10	1.025
Keseluruhan	6.14	.880

**Persoalan kajian 2:** Korelasi Pearson digunakan untuk mengkaji hubungan antara penilaian pensyarah dengan tahap kawalan kepercayaan pembelajaran. Sebelum menjalankan analisis korelasi, satu analisis telah dijalankan bagi melihat normaliti, lineariti dan *homoscedasticity* (Pallant, 2005). Analisis Korelasi Pearson (Jadual 4) menunjukkan bahawa analisis korelasi antara persepsi pelajar dengan kawalan kepercayaan pembelajaran menunjukkan hubungan yang rendah ( $r=.25$ ,  $r^2=.0625$ ) tetapi signifikan pada tahap .01.

Jadual 4: Korelasi Pearson antara penilaian pensyarah dengan kawalan kepercayaan pembelajaran (N=455)

Pemboleh ubah	Kawalan kepercayaan pembelajaran		
	r	r <sup>2</sup>	sig
Penilaian pensyarah	.250*	.0625	.000

\* signifikan pada tahap .01 (2-tailed)

**Persoalan kajian 3:** Analisis awal menunjukkan bahawa tahap kawalan kepercayaan pembelajaran kesemua pelajar (N=455) berada pada tahap yang sederhana dan tinggi (berdasarkan interpretasi min sepertimana dalam Jadual 1). Oleh itu, bagi membandingkan nilai min antara kedua-dua kumpulan ini dalam konteks persepsi mereka terhadap pensyarah, ujian t-test merupakan antara analisis parametrik yang boleh digunakan. Walaupun begitu, data kajian ini tidak memenuhi salah satu syarat analisis t-test, iaitu berkaitan dengan saiz sampel (kumpulan sederhana N=91, kumpulan tinggi N=364). Nisbah perbezaan bilangan pelajar antara kumpulan adalah besar iaitu melebihi nisbah 1:1.5, yang mungkin menyebabkan masalah sekiranya ujian t-test dijalankan juga (Hair, Black, Babin, Anderson, & Tatham, 2006). Dalam keadaan ini, maka alternatif kepada analisis tersebut ialah ujian bukan parametrik. Apabila perbezaan min tersebut melibatkan dua kumpulan, maka ujian Mann-Whitney U merupakan satu ujian alternatif yang sesuai (Pallant, 2005).

Ujian statistik Mann-Whitney U (Jadual 5) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kalangan pelajar yang berbeza tahap kawalan kepercayaan pembelajaran dalam konteks persepsi mereka terhadap pensyarah ( $p=.000$ ,  $p<.05$ ). Penelitian terhadap ranking min menunjukkan bahawa kumpulan tahap tinggi mencatatkan ranking min yang lebih tinggi (241.33) berbanding kumpulan tahap sederhana (174.69).

Table 5: Analisis statistik Mann-Whitney U: Persepsi pelajar terhadap pensyarah berdasarkan tahap kawalan kepercayaan pembelajaran (N=455)

Kesan	Pemboleh ubah bersandar	Nilai Z	Asymp. Sig. (2-tailed)	Tahap	N	Ranking Min
Kawalan kepercayaan pembelajaran	Persepsi pelajar terhadap pensyarah	-4.444	.000	Sederhana Tinggi	91 364	174.69 241.33

\* signifikan pada tahap .05

## Perbincangan

Kajian ini mendapati tahap keseluruhan persepsi pelajar terhadap pensyarah berada pada tahap min yang tinggi selari dengan dapatan Azman dan Yoon (2010) yang menyatakan



bahawa pelajar berpuas hati dengan tenaga pengajar bahasa Arab di UiTM. Penelitian terhadap tiga subkomponen aspek ini juga menunjukkan tahap yang tinggi, iaitu tahap pengetahuan bahasa Arab pensyarah, tahap aspek pedagogi pengajaran pensyarah dan aspek personaliti pensyarah.

Walaupun bagaimanapun, dapatan ini perlu dilihat secara yang lebih berhemah. Ini kerana menurut Bembenutty (2009) yang mengkaji keberkesanan pengajaran pensyarah, penilaian terhadap pensyarah boleh menjadi berat sebelah disebabkan oleh beberapa faktor seperti minat pelajar kepada kursus, jangkaan mereka untuk memperolehi gred yang baik, faktor pelajar yang mengambil kursus dan personaliti pelajar. Malah menurut beliau, seorang profesor yang diberikan penilaian yang tinggi juga berkemungkinan merupakan individu yang paling tidak produktif dalam pengajaran.

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di UiTM, kemungkinan yang dinyatakan oleh Bembenutty (2009) tadi mungkin juga berlaku. Ini kerana kajian ini mendapati persepsi pelajar terhadap pensyarah mempunyai hubungan korelasi yang signifikan walaupun pada tahap yang rendah dengan tahap kawalan kepercayaan pembelajaran pelajar. Dengan kata lain, pelajar yang mempunyai tahap kawalan kepercayaan pembelajaran yang tinggi akan mempunyai tahap persepsi yang lebih baik terhadap pensyarah. Tahap kawalan kepercayaan pembelajaran ini pula dipengaruhi oleh beberapa faktor yang telah diterangkan oleh satu kajian terdahulu (Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah, & Wan Haslina, 2011). Antara lainnya adalah melalui aktiviti pembelajaran yang berteraskan autonomi pelajar. Ini bermakna, berdasarkan kajian terdahulu ini, pembabitan pelajar dalam aktiviti sebegini meningkatkan lagi tahap kawalan kepercayaan pembelajaran pelajar seterusnya meningkatkan lagi persepsi positif mereka terhadap pensyarah. Ini juga bermakna, kursus yang tidak mempunyai aktiviti sebegini berkemungkinan juga menyebabkan pelajar akan memberikan penilaian yang rendah terhadap pensyarah walaupun pensyarah itu cemerlang dalam tugas pengajaran mereka.

Perkara ini diperkuatkan lagi dengan analisis lanjutan yang dilakukan terhadap dua kumpulan pelajar yang mempunyai tahap kawalan kepercayaan pembelajaran yang berbeza-beza. Dapatan analisis ini menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai tahap kawalan kepercayaan pembelajaran yang lebih tinggi juga mempunyai tahap persepsi yang lebih positif terhadap pensyarah. Dengan kata lain, penilaian pelajar adalah berkait dengan tahap kawalan kepercayaan pembelajaran mereka dan bukannya aspek pensyarah semata-mata.

## **Kesimpulan**

Kajian ini mendapati persepsi pelajar terhadap pensyarah adalah tinggi. Walaupun begitu, penilaian ini perlu ditafsirkan secara berhemah kerana kemungkinan terdapat faktor-faktor sampingan yang mempengaruhi persepsi pelajar ini sepertimana yang dinyatakan oleh Bembenutty (2009). Kajian terhadap hubungan korelasi antara tahap persepsi pelajar dengan tahap kawalan kepercayaan pembelajaran pelajar menunjukkan satu hubungan korelasi yang signifikan. Analisis lanjutan juga mengesahkan bahawa pelajar yang mempunyai tahap kawalan kepercayaan pembelajaran yang tinggi juga mempunyai tahap persepsi terhadap pensyarah yang lebih positif. Oleh itu, kajian ini merumuskan bahawa persepsi pelajar terhadap pensyarah adalah dipengaruhi oleh tahap kawalan kepercayaan pembelajaran mereka. Sehubungan itu, dapatan yang diperolehi daripada pelajar perlulah ditriangulasi dengan sumber-sumber yang lain seperti penilaian rakan sejawat ataupun penilaian pakar yang tidak dipengaruhi oleh persekitaran pembelajaran secara langsung.

## **Rujukan**

- Abdul Aziz Abdul Talib (2000). *Pedagogi bahasa Melayu: Prinsip, kaedah dan teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- al-Alwan, A. F. (2008). Self-regulated learning in high and low achieving students at al-Hussein bin Talal University (AHU) in Jordan. *International Journal of Applied Educational Studies*, 1(1), 1-13.
- Azman Che Mat, & Goh Ying Soon (2010). Situasi pembelajaran bahasa asing di institut pengajian tinggi: Perbandingan antara bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education*, 2(2), 9-21.

- Baumfield, V. (2004). Thinking for yourself and thinking together: The community of inquiry as a pedagogy for self-regulated learning. Dlm. O. S. Tan, A. Chang & J. Ee (pnyt.), *Thinking about thinking: What educators need to know* (hlmn. 72-87). Singapore: McGraw Hill Education.
- Bembenutty, H. (2009). Teaching effectiveness, course evaluation, and academic performance: The role of academic delay of gratification. *Journal of Advanced Academics*, 20(2), 326-355.
- Brophy, J. (1998). *Motivating students to learn*. New York: McGraw-Hill.
- Cajkler, W., & Addelman, R. (2000). *The practice of foreign language teaching* (Edisi ke-2). London: David Fulton Publishers
- Cohen, L., & Holliday, M. (1982). *Statistics for social scientists*. London: Harper & Row.
- Dickinson, L. (1995). Autonomy and motivation a literature review. *System*, 23(2), 165-174.
- Dornyei, Z. (2001). *Motivational strategies in the language classroom*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, & Wan Haslina Wah (2011). Control of learning beliefs among Arabic language course students. *International Journal of Applied Educational Studies*, *In press*.
- Hair, J. F. J., Black, W. C., Babin, B. J., Anderson, R. E., & Tatham, R. L. (2006). *Multivariate data analysis* (Edisi ke-6). New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Hsu, J. T. S. (1997). *Value, expectancy, metacognition, resource management, and academic achievement: A structural model of self-regulated learning in a distance education context*. Tesis Ph.D., University of Southern California, California.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining samples size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607 - 610.
- Lynch, D. J. (2006). Motivational factors, learning strategies and resource management as predictors of course grades. *College Student Journal*, 40(2), 423-428.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2004). *Kemahiran mendengar bahasa Arab: Satu kajian di Sekolah Menengah Kerajaan Negeri*. Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Pallant, J. (2005). *SPSS survival manual*. New South Wales: Allen & Unwin.
- Paris, S. G. (2004). Principles of self-regulated learning for teachers. Dlm J. Ee, A. Chang & O. S. Tan (pnyt.), *Thinking about thinking* (hlmn. 48-71). Singapore: McGraw Hill Education.
- Pintrich, P. R., & Schunk, D. H. (1996). *Motivation in education: Theory, research and applications*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall Inc.
- Pintrich, P. R., Smith, D. A. F., Garcia, T., & McKeachie, W. J. (1991). *A manual for the use of the Motivated Strategies for Learning Questionnaire (MSLQ)*. Michigan: University of Michigan. (Atas talian: 17 Oktober 2008), <http://eric.ed.gov/PDFS/ED338122.pdf>
- Rhee, C. R., & Pintrich, P. R. (2004). Teaching to facilitate self-regulated learning. Dlm. O. S. Tan, A. Chang & J. Ee (pnyt.), *Thinking about thinking* (hlmn. 31-47). Singapore: McGraw Hill Education.
- Roberts, J. (1998). *Language teacher education*. London: Arnold.
- Sekaran, U. (2003). *Research methods for business: A skill-building approach* (Edisi ke-4). United States of America: John Wiley & Sons, Inc.

- The Academic Affairs Division (2009). Academic regulations: Diploma and bachelor degree (Honours) programmes (amendment 2009). (Atas talian: 4 Mei 2010) [http://www.hea.uitm.edu.my/images/stories/downloads/academic\\_regulations/Academic%20Regulations%20Diploma%20Degree%202009.pdf](http://www.hea.uitm.edu.my/images/stories/downloads/academic_regulations/Academic%20Regulations%20Diploma%20Degree%202009.pdf)
- VanZile-Tamsen, C., & Livingston, J. A. (1999). The differential impact of motivation on the self-regulated strategy use of high- and low-achieving college students. *Journal of College Student Development, 40*(1), 54-60.
- Weiner, B. (1992). *Human motivation: Metaphors, theories, and research*. California: Sage Publications, Inc.
- Zimmerman, B. J., & Martinez-Pons, M. (2004). Pursuing academic self-regulation: A 20-year methodological quest. Dlm. J. Ee, A. Chang & O. S. Tan (pnyt.), *Thinking about thinking* (hlmn. 3-30). Singapore: McGraw Hill Education.